

18) SKIM CERIA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Adun : Y.B. Tuan Cheong Kian Young (Kajang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Sila senaraikan rumah pangsa di Daerah Hulu Langat yang telah menerima bantuan Skim CERIA bermula dari tahun 2023 hingga kini.**

Sehingga 31 Mei 2025, sebanyak tujuh (7) skim rumah pangsa di Daerah Hulu Langat telah menerima bantuan di bawah Skim CERIA (Caring Government for Residents' Improvement Aid) bermula dari tahun 2023 hingga kini. Bantuan yang disalurkan merangkumi kerja-kerja seperti mengecat semula bangunan, membaiki tangki air, membaiki bumbung, pendawaian elektrik, serta penggantian lif.

Berikut adalah senarai terperinci rumah pangsa tersebut:

BIL	NAMA RUMAH PANGSA / PROJEK PERUMAHAN	LOKASI (BANDAR / MUKIM)	TAHUN LULUS	JENIS BANTUAN
1.	Pangsapuri Inai, Blok E, F, G & H	Pandan Indah	2023	Penggantian Sesalur Hujan
2.	Flat Kos Rendah, Taman Cahaya Ampang	Ampang	2023	Penggantian Rumah Sampah
3.	Pangsapuri Seri Dahlia, Bandar Seri Putra	Bangi	2023	Mengecat Semula Bangunan
4.	Pangsapuri Cemara 1 & 2, Taman Bukit Segar Jaya	Ampang	2024	Penggantian Lif
5.	Pangsapuri 940, Blok AE, AF, AG & AH	Pandan Indah	2024	Mengecat Semula Bangunan
6.	Pangsapuri 940, Blok AJ, AK, AL & AM	Pandan Indah	2024	Mengecat Semula Bangunan
7.	Blok C, Damai Court, Taman Indah Cheras	Cheras	2024	Penggantian Bumbung

- b) Sila senaraikan peruntukan yang diberikan untuk skim ini bermula dari tahun 2020 hingga kini dengan mengikut tahun.

Berikut merupakan jumlah peruntukan tahunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui LPHS bagi pelaksanaan Skim CERIA dari tahun 2020 hingga kini:

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2020	8,547,740.00
2021	3,854,033.00
2022	4,166,805.75
2023	5,777,608.14
2024	5,502,022.50
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	27,848,209.39

Jumlah keseluruhan peruntukan dari tahun 2020 hingga 2024 adalah sebanyak RM 27,848,209.39.

Peruntukan ini membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu pemulihan dan penyelenggaraan bangunan strata kos rendah demi kesejahteraan rakyat.